

U GB 11-12 00174 BA303

Aab

Mahathir - Li Peng

I

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri China, Encik Li Peng hari ini memberi jaminan kepada Kerajaan Malaysia bahawa China tidak akan memeralatkan orang Cina negara ini untuk kepentingan mereka.

Dalam pertemuannya selama satu jam dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, Encik Li juga menggesa rakyat Malaysia berbangsa Cina supaya terus menjadi warganegara Malaysia yang baik dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Orang Cina yang belum menjadi warganegara negara-negara di Asia Tenggara di mana mereka menetap, perlu menghormati undang-undang di negara-negara berkenaan, katanya.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Majid Mohamed memberitahu pemberita selepas pertemuan itu bahawa kenyataan Encik Li itu merupakan jaminan yang jelas kepada negara-negara di rantau ini yang selama ini bimbang sekiranya masyarakat tempatan Cina diperalatkan oleh China untuk menggugat keselamatan negara-negara itu.

Encik Li juga memberi jaminan bahawa gerakan memperkukuhkan angkatan tenteranya sekarang semata-mata bertujuan untuk pertahanan diri dan tidak bertujuan mengancam keselamatan negara-negara jiran. -- Lagi.

♥11/12/15-51MST

U GB 11-12 00155 BA304

Aab

Mahathir - Li Peng 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir dan Encik Li kemudian mempengerusikan mesyuarat antara rombongan selama dua jam di pejabat Perdana Menteri di sini. Encik Li tiba semalam untuk lawatan rasmi empat hari.

Menurut Datuk Abdul Majid, Encik Li memberitahu mesyuarat bahawa lawatannya ke sini bertujuan meningkatkan hubungan dua hala dengan Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan bahawa rintangan terakhir yang menghalang hubungan lebih erat antara Malaysia dan China ialah Parti Komunis Malaya (PKM) yang disokong oleh China.

Bagaimanapun, dengan termeterainya perjanjian damai antara kerajaan Malaysia dan PKM pada tahun lalu, tidak ada lagi sebab kenapa hubungan dua hala itu tidak boleh ditingkatkan.

Dalam membayangkan keinginan untuk memperbaiki hubungan, Malaysia telah menarik balik sekatan perjalanan bagi rakyat Malaysia yang ingin ke China, dan sedang menimbang untuk mempercepatkan pengeluaran visa kepada pelancong China yang hendak ke Malaysia. -- Lagi.

♥11/12/15-54MST

U GB 11-12 00163 BA305

Aab

Mahathir - Li Peng 3 Kuala Lumpur

Di samping itu, para pegawai penerbangan Malaysia dan China akan bertemu pada minggu depan untuk membincangkan kemungkinan menambah jumlah penerbangan antara kedua-dua negara.

Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu Encik Li bahawa masyarakat Cina di Malaysia telah menyumbang kepada perkembangan politik dan ekonomi negara ini.

Kedua-dua pemimpin itu juga membincangkan isu-isu dua hala dan antarabangsa, termasuk cadangan Datuk Seri Dr Mahathir kepada negara-negara Asia Timur supaya mewujudkan kumpulan ekonomi serantau untuk menjaga kepentingannya berikutan dasar perlindungan perdagangan yang semakin ketara.

Menurut Datuk Abdul Majid, pemimpin China itu menyokong perlunya negara-negara Asia Timur mengadakan kerjasama ekonomi yang lebih erat, dan bersetuju supaya rundingan diadakan untuk membincangkan perkara itu.

Encik Li berkata, kerjasama erat penting terutama selepas rundingan pusingan Uruguay mengenai perdagangan pelbagai hala bagi perdagangan dunia yang lebih bebas ditangguhkan, yang disifatkannya sebagai satu kegagalan, dan peningkatan blok-blok perdagangan serantau di negara-negara Barat. -- Lagi:

♥11/12/16-01MST

CNS9892

U GB 11-12 00133 BA306

Aab

Mahathir - Li Peng 4 Kuala Lumpur

Beliau bersetuju dengan Datuk Seri Dr Mahathir bahawa negara-negara Barat menggunakan isu-isu seperti hak asasi manusia, hak-hak pekerja dan perlindungan alam sekitar sebagai alasan untuk mengganggu kemajuan negara membangun.

Mengenai perdagangan dua hala, Malaysia berharap perdagangan terus boleh ditingkatkan dan tidak lagi perlu melalui Singapura dan Hong Kong.

Kedua-dua negara bersetuju bahawa perdagangan dua hala sekarang semakin baik berikutan pengwujudan hubungan diplomatik dalam tahun 1974, dan selepas lawatan Datuk Seri Dr Mahathir ke China dalam tahun 1985 yang menyaksikan jumlah dagangan meningkat dari \$1,000 juta kepada \$3,000 juta.

Malaysia juga meminta China mengurangkan tarif import terhadap minyak sawit, yang lebih tinggi berbanding dengan tarif ke atas minyak kacang dan minyak kacang soya. -- Bernama.

♥11/12/16-01MST